

TOURISM MALAYSIA LANCAR PAKEJ PELANCONGAN *WELLNESS* MERANGKUMI PENGALAMAN HOLISTIK DAN DESTINASI INDAH

KUALA LUMPUR, 14 MAC 2025 - Tourism Malaysia hari ini melancarkan 36 pakej pelancongan *wellness* yang menggabungkan elemen kesihatan, budaya, dan alam semula jadi. Inisiatif ini adalah sebagai mempelbagaikan pakej-pakej pelancongan yang boleh ditawarkan kepada pelancong-pelancong terutamanya bagi mereka yang ingin merehatkan diri dan mempunyai minat dalam mencuba pelbagai rawatan diri yang ditawarkan.

Pakej-pakej ini dilancarkan dengan kerjasama 12 pemain industri yang terdiri daripada agensi pelancongan, hotel dan pusat kesihatan merangkumi pelbagai program kesejahteraan holistik, seperti rawatan spa dan terapi tradisional.

Penawaran bermula dari RM248 merangkumi pelbagai pengalaman kesejahteraan seperti terapi urutan tradisional Melayu untuk melegakan ketegangan otot, aktiviti pernafasan taichi untuk meningkatkan ketenangan mental dan fizikal, *forest bathing* sambil menikmati suasana alam sekitar, mandian air panas yang menyegarkan dan pelbagai lagi. Tempoh sah pakej-pakej ini adalah sehingga 31 Disember 2026 tertakluk kepada terma dan syarat.

Selain daripada menawarkan pakej-pakej *wellness*, cadangan program juga melibatkan lawatan ke tempat-tempat menarik yang terdapat berdekatan dengan pakej-pakej *wellness* yang ditawarkan seperti lawatan ke perkampungan budaya, lawatan ke tempat-tempat tarikan semulajadi, seperti kolam air panas dan sebagainya. Pakej ini juga menawarkan lawatan ke tempat-tempat yang telah dikenali bagi membuat aktiviti 'riadah', rekreasi yang boleh dilawati oleh para pengunjung.

Terdapat 365 spa berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang menyediakan pelbagai rawatan seperti urutan batu panas, rawatan lulur tradisional, aromaterapi, rawatan ibu bersalin, terapi hidro (*hydrotherapy*), mandian herba serta terapi Ayurveda serta urutan Malaysia yang memberi tumpuan kepada pelbagai teknik penyembuhan tradisional daripada pelbagai budaya yang ada di Malaysia.

Antara rawatan yang popular termasuk rendaman kaki herba Malaysia, teknik pernafasan Qi Gong oleh masyarakat Cina, urutan kepala oleh masyarakat India, dan rawatan refleksologi yang bukan sahaja mengurangkan ketegangan fizikal, malah turut mengimbangi kesihatan badan, minda dan rohani.

Maklumat lanjut berkenaan pakej-pakej yang ditawarkan boleh diperolehi dengan mengimbas kod QR yang disediakan ataupun menerusi laman web Tourism Malaysia di www.malaysia.travel.

TAMAT

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa. Untuk maklumat lanjut, layari akaun media sosial Tourism Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [Twitter](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Roslan Abdullah Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Pakej roslan@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8400	Norshariza Mohd Saad Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat norshariza@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8775
--	---